



Rujukan : UKM. KPD. BPA.600-4/4/2

Tarikh : 15 Februari 2021

Semua Pelajar
Program Pascasiswazah
Pusat Kembangan Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia.
(Kecuali Pelajar FTSM, FUU dan FKAB)

Saudara/i,

MAKLUMAT PENTING PENDAFTARAN SEMESTER 2 SESI AKADEMIK 2020-2021

Merujuk kepada perkara di atas, adalah dimaklumkan bahawa perkuliahan Semester 2 Sesi Akademik 2020-2021 akan **bermula pada 22 Mac 2021**.

Sehubungan dengan itu, disenaraikan perkara penting untuk perhatian dan tindakan pelajar seperti berikut:

PERKARA	BUTIRAN
PENDAFTARAN KURSUS SEMESTER 2 SESI AKADEMIK 2020-2021	Pelajar yang telah membuat pendaftaran awal boleh menyemak kursus yang telah didaftarkan di SMPE. Manakala bagi pelajar yang tidak membuat pendaftaran awal, boleh mendaftar kursus dalam tempoh tambah kursus bermula 22 Mac 2021 . Sila rujuk tarikh-tarikh penting di web PKP sebagai panduan.
CAJ LEWAT MENDAFTAR	Bagi pelajar yang masih tidak membuat pendaftaran selepas tempoh tambah kursus tamat akan dikenakan caj sebanyak RM50 seperti yang terdapat di dalam Peraturan Am Kewangan PKP.
DIBERHENTIKAN SEBAB TIDAK MENDAFTAR	Pelajar akan diberikan status "DIBERHENTIKAN SEBAB TIDAK MENDAFTAR" jika tidak membuat pendaftaran sehingga selewat-lewatnya pada 25 April 2021
JADUAL PERKULIAHAN	Jadual perkuliahan akan dipaparkan di laman web PKP selewat-lewatnya seminggu sebelum sesi perkuliahan bermula . Pelajar juga dinasihatkan



PUSAT KEMBANGAN PENDIDIKAN

Aras 2, Bangunan Wawasan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 5585 Faks: +603-8925 1391 E-mel: noorsuzilawatidesa@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/pkp

	sentiasa menyemak jadual kuliah untuk makluman terkini.
PEMBAYARAN YURAN	<p>Pelajar hendaklah menjelaskan semua yuran tertunggak dan semasa. Sila buat pembayaran yuran sekurang-kurangnya 50% daripada yuran semester sebelum atau pada 7 Mac 2021.</p> <p>Pelajar yang mempunyai penaja, sila serahkan surat daripada penaja ke Bahagian Kewangan PKP jika belum berbuat demikian.</p> <p>Pelajar boleh menyemak penyata kewangan menggunakan Portal E-Kewangan.</p>
BIODATA PELAJAR DI SMPE	Pelajar juga bertanggungjawab untuk memastikan biodata pelajar di SMPE adalah terkini pada setiap semester.

Sila abaikan makluman ini jika saudara/i telah menamatkan pengajian pada Semester 1 Sesi Akademik 2020-2021.

Sekian, untuk makluman dan perhatian saudara/i. Terima kasih.

Yang benar,



NOOR SUZILAWATI BINTI DESA

Ketua Bahagian Pengurusan Akademik
b.p. Timbalan Pengarah

- s.k.
- Penyelaras Program
 - Ketua Bahagian Pentadbiran, PKP
 - Bahagian Kewangan, PKP



MS ISO 9001:2015

Cert. No. QMS 01100

PUSAT KEMBANGAN PENDIDIKAN

Aras 2, Bangunan Wawasan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 5329 Faks: +603-8925 1391 E-mel: noorsuzilawatidesa@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/pkp

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • Inspiring Futures, Nurturing Possibilities

www.ukm.my

